



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



# LAPORAN PERGERAKAN PELAJAR PULANG

Cuti Semester 2020/2021  
FASA 1 & FASA 2

[facebook.com/UPM Deputy Vice Chancellor - Student Affairs & Alumni](https://facebook.com/UPM%20Deputy%20Vice%20Chancellor%20-%20Student%20Affairs%20&%20Alumni) [@tnc.hepa\\_upm](https://twitter.com/tnc.hepa_upm) [instagram.com/tnc.hepa\\_upm](https://instagram.com/tnc.hepa_upm)

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

[www.upm.edu.my](http://www.upm.edu.my)





**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**

**ISI KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Isi Kandungan	1
	Kata Alu – Aluan Naib Canselor	2
	Kata Alu - Aluan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)	3
<i>1.0</i>	Pengenalan	4
<i>2.0</i>	Tatacara Pergerakan	5 - 18
<i>3.0</i>	Laporan Pergerakan Pelajar Fasa 1: Pelajar Asasi Sains Pertanian dan Diploma	19 - 25
<i>4.0</i>	Laporan Pergerakan Pelajar Fasa 2: Pelajar Bacelor dan Siswazah	26 - 41
<i>5.0</i>	Testimonial Pelajar	42 - 45
<i>6.0</i>	Liputan Media	46
<i>7.0</i>	Penghargaan	47
	Appendix	48 - 49
	i) Senarai Semak Pergerakan Pelajar	

**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**

**KATA ALU – ALUAN**

**NAIB CANSOLOR**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada kelangsungan dan gaya hidup kita. Pelajar menjalani aktiviti pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara atas talian selama lebih kurang setahun setelah pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020.

Pada 31 Januari 2021, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) mengeluarkan Arahan Kemasukan Semula Pelajar Ke Kampus Secara Fizikal Bermula 1 Mac 2021 kepada enam (6) kategori pelajar yang ditetapkan.



Atas dasar keprihatinan, Kementerian Pengajian Tinggi sekali lagi mengeluarkan arahan membenarkan pelajar untuk pulang sempena cuti semester atau tamat pengajian sesi 2020/2021 bermula pada 12 Julai 2021.

Proses penghantaran pelajar pulang UPM bermula pada 18 hingga 19 Julai 2021 untuk pergerakan Fasa 1 manakala Fasa 2 bermula pada 27 Julai 2021 hingga 7 Ogos bagi pelajar Zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan Semenanjung Malaysia. Pergerakan Zon Borneo pula bermula pada 27 Julai 2021 sehingga selesai iaitu tertakluk kepada tiket penerbangan pelajar.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada warga kerja yang diketuai oleh Prof. Dr Arifin Abdu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bersama pasukan HEPA yang terdiri dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Perumahan dan Penempatan Pelajar, Kolej Kediaman Bersama Majlis Perwakilan Kolej dan Felo, Majlis Perwakilan Pelajar serta Pusat Tanggungjawab berkaitan seperti Pusat Kesihatan Universiti, Hospital Pengajar UPM, Pusat Kebudayaan Dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Bahagian Keselamatan, dan Pejabat Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, UPM.

Selamat bercuti akhir semester diucapkan kepada pelajar, teruskan kepatuhan kepada SOP dan bersama kita perangi wabak COVID-19.

**PROF. DR MOHD ROSLAN SULAIMAN**

Naib Canselor

Universiti Putra Malaysia

**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**

**KATA ALU – ALUAN**

**TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan  
Salam "Berilmu Berbakti"

Keputusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk membenarkan pelajar pulang sempena cuti semester membuktikan KPT cakna dan prihatin dengan keadaan pelajar di kampus.

Ancaman pandemik COVID-19 ini menuntut kita untuk lebih berwaspada dengan mengamalkan kelaziman baharu dan mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) secara konsisten demi keselamatan dan kesihatan diri serta masyarakat.



Proses penghantaran pelajar pulang UPM dibuat secara dua (2) fasa mengikut kategori dan kalendar akademik pelajar. Setiap pergerakan diselaras dengan seteliti yang mungkin bagi memastikan kepatuhan kepada SOP dicapai dan bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku ketika pandemik COVID-19 ini.

Alhamdulillah, proses penghantaran pelajar pulang telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada warga kerja yang sangat komited mengurus pergerakan pelajar bagi kedua-dua fasa pergerakan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Selamat pulang dan berbahagia dipangkuan keluarga diucapkan kepada pelajar. Jaga diri, patuhi SOP dan manfaatkan cuti semester ini dengan perkara yang berfaedah.

Kita jaga Kita. Salam Hormat

**PROF. DR ARIFIN ABDU**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni)  
Universiti Putra Malaysia

**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**

**1.0 PENGENALAN**

Mesyuarat Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang diadakan pada 8 Julai 2021 telah bersetuju untuk membenarkan pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang telah tamat sesi akademik 2020/2021 pulang ke rumah masing-masing bermula 12 Julai 2021. Cuti semester akan bermula Julai hingga Oktober 2021.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menetapkan beberapa mekanisme kawalan pergerakan para pelajar di IPT secara berfasa bagi memastikan pergerakan mereka adalah terkawal.

Bagi fasa permulaan, pergerakan pelajar hanya dibenarkan di kawasan yang tidak tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).

Pergerakan pelajar di dalam kawasan PKPD hanya dibenarkan selepas tempoh PKPD tersebut tamat.



**Nota :**

- i- Pergerakan pelajar hanya dibenarkan di kawasan yang tidak tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD).
- ii- Pelajar di dalam kawasan PKPD hanya dibenarkan selepas tempoh PKPD tersebut tamat.

 MOHEOfficial  @MOHEOfficial  mohe.official



## LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

### 2.0 TATACARA PERGERAKAN

Kementerian Pengajian Tinggi telah menetapkan kaedah pergerakan sehala pelajar iaitu:

- i) menggunakan pengangkutan bas yang diselaraskan oleh IPT masing-masing dengan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat;
- ii) menggunakan kenderaan pelajar sendiri.

Ibu bapa atau penjaga tidak dibenarkan merentas negeri untuk membawa pelajar pulang.



  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

### PERGERAKAN PULANG PELAJAR

### INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEMPENA CUTI SEMESTER 2020/2021

#### KAEDAH PERGERAKAN SEHALA

**1**



Pengangkutan bas yang diselaraskan oleh IPT masing-masing

**2**



Menggunakan kenderaan sendiri

Nota :  
Ibu bapa atau penjaga **tidak dibenarkan** merentas negeri untuk membawa pelajar pulang.

 MOHEOfficial  @MOHEOfficial  mohe.official

### 2.1 PENGURUSAN PELAJAR

Pelajar diberi pilihan untuk pulang ke kediaman masing-masing atau kekal tinggal di kolej kediaman dalam kampus.

Universiti dicadang oleh Kementerian Pengajian Tinggi memberi pengecualian yuran penginapan kepada pelajar selepas tempoh semester tamat.

**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**

Kolej diminta menyediakan ruang untuk penyimpanan barangan pelajar termasuk pertimbangan kepada Pelajar Luar Kampus yang ingin menyimpan barangan di kolej terutamanya kepada yang telah tamat pengajian.

Kes terpencil/khas boleh dipertimbangkan oleh IPT. Cth: pelajar PLK yang berada di kampung dan terpaksa Kembali untuk mengambil barang di rumah sewa yang tamat kontrak perjanjian.

Universiti digalakkan membuat pengasingan ketat pelajar 10 hari sebelum pulang bagi mengekalkan gelembung sedia ada.

Pelajar luar kampus yang pulang menggunakan kenderaan diselaras oleh UPM diminta menjalani pengasingan selama 10 hari di Kolej Canselor sebelum dibenarkan pulang.

Bilangan dan senarai pelajar yang ingin pulang ke Negeri Perlis perlu dihantar ke Pejabat TNCHEDA UNIMAP [mfs@unimap.edu.my](mailto:mfs@unimap.edu.my)



## LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

### 2.2 BANCIAN PERGERAKAN PELAJAR PULANG SEMPENA CUTI SEMESTER SESI 2020/2021

Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), menjalankan bancian kepada semua pelajar untuk tempoh 4 hari bermula pada 11 hingga 15 Julai 2021 bagi mendapatkan maklumbalas dan data pelajar yang akan pulang ke rumah atau terus berada di kampus sempena cuti semester 2020/2021 atau tamat pengajian.



### PERGERAKAN PELAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA PULANG SEMPENA CUTI SEMESTER 2020/2021

Pergerakan pelajar UPM hanya dibenarkan **setelah tempoh PKPD kawasan berkenaan ditamatkan.**

#### Pengangkutan Pulang yang Dibenarkan

- Menggunakan pengangkutan bas yang diselenggarakan oleh UPM.
- Pergerakan pelajar menggunakan kenderaan sendiri.

**Ibubapa/penjaga tidak dibenarkan merentas negeri untuk membawa pulang pelajar.**

### Borang Maklumat Pergerakan Pelajar

Maklumat dari borang ini akan digunakan untuk menjana Surat Kebenaran Rentas Negeri untuk pergerakan pulang pelajar **sekiranya tempoh PKPD tamat kelak.**

Borang akan dibuka mulai  
**11 JULAI 2021 (4:00 PTG) Hingga  
15 JULAI 2021 (12:00 TGH)**

#### Pautan Borang

- Pelajar **UPM Kampus Serdang** dikehendaki mengisi borang mengikut Zon destinasi anda.
- Pelajar **UPM Kampus Bintulu** dikehendaki mengisi borang khas untuk UPMKB.

*Imbas di sini*

**ZON UTARA**  
Perlis, Kedah & P. Pinang

**ZON TENGAH**  
Perak, Selangor, WP KL & Putrajaya

**ZON TIMUR**  
Kelantan, Terengganu & Pahang

**ZON SELATAN**  
N. Sembilan, Melaka & Johor

**ZON BORNEO**  
Sabah, Sarawak & WP Labuan

**UPMKB**  
Pelajar Kampus Bintulu



*Pautan alternatif*  
**bit.ly/BorangMaklumatPergerakanPulang**

Sebarang pertanyaan boleh diajukan terus kepada mana-mana Ahli Majlis Perwakilan Pelajar UPM.

 MPP UPM  mppupm\_official  MPPUPM  INFO@mppupm



## LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

### 2.3 KEPERLUAN UJIAN CALITAN RT-PCR DAN KUARANTIN

Kementerian Pengajian Tinggi menetapkan bagi pelajar yang pulang ke Sabah, Sarawak dan Labuan, kos ujian calitan (swab test) RT-PCR akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan. Kos kuarantin pula akan ditanggung oleh kerajaan negeri masing-masing.

Ujian calitan RT-PCR kepada pelajar Zon Borneo (Sabah, Sarawak & W.P Labuan) UPM dilaksanakan di kampus. Kos ujian calitan pelajar ditanggung sepenuhnya oleh universiti.

Penyelarasan dibuat dengan terancang oleh Pusat Kesihatan Universiti bersama dengan Hospital Pengajar UPM dan Kolej Pendeta Za'ba UPM yang menyokong fasiliti ujian calitan.

Proses ujian calitan diadakan di kampus bermula pada 26 Julai 2021 sehingga proses pergerakan pulang pelajar Zon Borneo selesai.

Usaha ini membantu meringankan beban kewangan pelajar disamping memudahkan pergerakan pelajar membuat ujian calitan tersebut sebelum memulakan penerbangan.

Bagi pelajar UPMKB, Ujian Calitan RT-PCR pelajar dijalankan di pusat ujian calitan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di Bintulu Sarawak iaitu di Gelanggang Bola Keranjang Bintulu. Tiada bayaran dikenakan kepada pelajar.



*Ujian Calitan RT-PCR Pelajar di Kolej Pendeta Za'ba.*

## LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

### 2.4 SURAT KEBENARAN MERENTAS NEGERI KEPADA PELAJAR

Pihak UPM melalui Bahagian Perumahan dan Penempatan (BPP) akan mengeluarkan surat kebenaran untuk merentas daerah/negeri kepada pelajar yang pulang sempena cuti semester 2020/2021.

Pelajar perlu memastikan tarikh pulang ke rumah dipatuhi sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kebenaran merentas daerah/negeri. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran sekiranya ditahan oleh pihak berkuasa keselamatan.

Bagi kes kecemasan dan memerlukan surat kebenaran khusus, pelajar boleh mengemukakan permohonan ke BPP melalui emel [bppupm@upm.edu.my](mailto:bppupm@upm.edu.my)

Surat kebenaran akan dihantar **melalui emel pelajar masing-masing**.



### 2.5 SURAT KEBENARAN MERENTAS NEGERI (PERMIT POLIS) UNTUK PELAJAR ZON BORNEO

Bahagian Perumahan dan Penempatan juga dipertanggungjawabkan menyelaraskan permohonan surat merentas negeri (permit polis) untuk pelajar Zon Borneo sebelum memulakan perjalanan sepertimana ketetapan Kerajaan Negeri.

Permohonan dibuat secara pukal di Balai Polis Sri Serdang, Selangor bagi pelajar yang telah membeli tiket penerbangan.

**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**

**2.6 BANTUAN RUNDINGAN TIKET PENERBANGAN**

Terdapat 55 pelajar Zon Borneo (33 pelajar Sarawak dan 22 pelajar Sabah) yang belum membeli tiket penerbangan kerana kekangan kewangan dan 38 orang daripada pelajar tersebut iaitu 24 pelajar Sarawak dan 14 pelajar Sabah berminat untuk membeli tiket secara pukal.

Justeru, universiti cuba membantu pelajar tersebut mendapatkan tiket penerbangan dengan mengambil inisiatif membuat perbincangan dan rundingan dengan syarikat penerbangan Malaysia Airlines (MAS) dan AirAsia.

Setelah beberapa siri rundingan dibuat, universiti berjaya membantu pelajar membuat pendaftaran dalam program MHEXplorer tanpa bayaran dan menikmati diskaun harga tiket sehingga 30% melalui program tersebut.



**MHEXplorer**  
**ENJOY UP TO 30%**  
FLIGHT DISCOUNTS ALL YEAR ROUND!

- Extra 10KG Baggage
- Complimentary Date Change
- Friends & Family Promo
- Earn and redeem Enrich Points

malaysia airlines

T&Cs apply.



## LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

### 2.6 UJIAN CALITAN RT-PCR DAN UJIAN DADAH UNTUK PEMANDU

Sebuah bas dipandu oleh dua (2) orang pemandu yang bertugas secara bergilir sepanjang perjalanan.

Pemandu yang dilantik diwajibkan menjalani Ujian Calitan COVID - 19 dan Ujian Dadah. Hanya pemandu yang lulus kedua-dua ujian tersebut dibenarkan memandu kenderaan atau bas dalam misi penghantaran pulang pelajar kali ini.



*YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr Arifin Abdu (tengah) bersama sebahagian pemandu dan pegawai yang bertugas semasa pergerakan pelajar pulang Fasa 2.*

### 2.7 LANTIKAN PEGAWAI PENGIRING BAGI PERGERAKAN MENGGUNAKAN KENDERAAN YANG DISELARASKAN OLEH UPM

Keselamatan pelajar keutamaan kami!

Bagi memastikan perjalanan pelajar pulang menggunakan bas yang diselaraskan universiti selamat. Setiap pergerakan kenderaan dipantau oleh seorang pegawai pengiring dalam sebuah kenderaan bagi memastikan pematuhan SOP selain membantu melicinkan pengurusan di mana-mana hentian, terminal atau sekatan jalan raya.



## LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMENA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

Pegawai pengiring yang dilantik terdiri daripada Felo Kolej Kediaman dan Pegawai HEPA. Keutamaan diberikan kepada pegawai yang telah melengkapkan dua (2) dos suntikan vaksin COVID-19.

Pegerakan pulang Fasa 1 melibatkan seramai lapan (8) orang pegawai pengiring manakala pergerakan Fasa 2 melibatkan seramai 38 orang pegawai pengiring.

Pegawai Pengiring akan diberikan taklimat oleh Penyelaras Zon di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKSSAAS) Universiti Putra Malaysia sebelum memulakan pergerakan.



*Penyelaras Zon (kiri) dan Pegawai Pengiring yang bertugas pada 2 Ogos 2021*



*Pegawai Pengiring (kiri) menyemak maklumat pelajar sebelum menaiki bas.*

**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**

**2.8 AGIHAN MAKANAN KEPADA PELAJAR, PEGAWAI PENGIRING DAN PEMANDU  
SEMASA PERGERAKAN**

Universiti memperuntukan sejumlah RM9,000.00 untuk tujuan penyediaan makanan atau bekalan kepada pelajar, pegawai pengiring dan pemandu dalam perjalanan.

Makanan seperti nasi lemak, mee goreng, nasi goreng, roti dan air mineral diagihkan kepada pelajar di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian UPM – Pkksaas pada hari pertama pergerakan iaitu semasa simbolik perlepasan oleh YBhg. Naib Canselor dan di Kolej Canselor UPM pada hari berikutnya.

Tugas agihan makanan diselaras oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan dibantu oleh Majlis Perwakilan Pelajar dan Persatuan Anak Negeri Sabah dan Sarawak.



*Agihan makanan kepada pelajar.*

**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**

Selain pelajar, pemandu dan pegawai pengiring juga dibekalkan dengan makanan kerana memahami perjalanan yang dibuat dalam jarak yang jauh serta keterbatasan pergerakan semasa pandemik ini.



*Agihan makanan kepada pemandu dan pegawai pengiring bertugas.*

## **2.9 SANITASI KENDERAAN SEBELUM PERGERAKAN PELAJAR PULANG**

Keselamatan dan kesihatan pelajar fokus utama dalam pengurusan pelajar pulang semasa pandemik COVID-19. Akur kepada pelaksanaan amalan terbaik, sanitasi dijalankan terhadap semua kenderaan sebelum digunakan untuk penghantaran pelajar pulang semena cuti semester 2020/2021.

Proses sanitasi diselaras oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar bersama Pejabat Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, UPM telah dilaksanakan pada 26 Julai 2021 iaitu sehari sebelum pergerakan pertama dimulakan pada 27 Julai 2021.



**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**



*Sanitasi bas sebelum pergerakan.*




*Sanitasi kenderaan sebelum pergerakan.*



## LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

### 2.11 CARTA ALIR PROSES PERGERAKAN PELAJAR PULANG SEMPENA CUTI SEMESTER SESI 2020/2021



# LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

## 2.7 SOALAN LAZIM PERGERAKAN PELAJAR PULANG CUTI SEMESTER 2020/2021

Aspek keselamatan dan kesihatan pelajar adalah menjadi keutamaan ketika pergerakan pelajar berlangsung. Pihak yang terlibat boleh merujuk kepada SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Soalan Lazim Pergerakan Pelajar Pulang bagi mendapatkan perincian maklumat berkenaan pergerakan pelajar.



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**SOALAN LAZIM**

**PERGERAKAN PELAJAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)  
 PULANG SEMPENA CUTI SEMESTER 2020/2021**

1. Adakah pelajar yang masih berada di kampus Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dibenarkan pulang selepas tamat pengajian / semester akademik?  
 Ya, pelajar yang telah tamat pengajian / berakhir semester akademik dan masih berada di kampus IPT adalah dibenarkan pulang ke kampung halaman.
2. Bilakah tarikh pelajar dibenarkan memulakan pergerakan pulang ke kampung?  
 Pergerakan pelajar di kampus pulang ke kampung adalah dibenarkan bermula 12 Jun 2021.  
 Pihak IPT akan menyelenggarakan jadual pergerakan pelajar secara berfasa.
3. Adakah pelajar dari IPT di kawasan PKPD dibenarkan pulang?  
 Tidak. Pelajar yang berada di IPT dalam lokasi PKPD adalah tidak dibenarkan bergerak pulang sehingga tamat tempoh PKPD.

1

4. Adakah pelajar dibenarkan pulang ke destinasi di kawasan PKPD?  
 Tidak. Pelajar tidak dibenarkan bergerak pulang ke destinasi dalam lokasi PKPD sehingga tamat tempoh PKPD.
5. Adakah pelajar diwajibkan untuk menjalani ujian swab semasa pulang ke kampung halaman?  
 Tidak. Hanya pelajar yang memasuki Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Kelantan sahaja yang perlu menjalani ujian swab dan bertolak kepada arahan semasa Kerajaan Negara.  
 Pelajar yang memasuki Sabah adalah diwajibkan menjalani Ujian Swab RT-PCR dalam tempoh tiga (3) hari sebelum pergerakan ke Sabah.  
 Pelajar yang memasuki Sarawak adalah diwajibkan menjalani Ujian Swab RT-PCR dalam tempoh tiga (3) hari sebelum pergerakan ke Sarawak.  
 Pelajar yang memasuki Wilayah Persekutuan Labuan adalah diwajibkan menjalani Ujian Swab RT-PCR dalam tempoh tiga (3) hari sebelum pergerakan ke Wilayah Persekutuan Labuan.  
 Pelajar yang memasuki Kelantan perlu menjalani ujian swab (RT-PCR atau RTK-Ag) dalam tempoh 72 jam sebelum pergerakan. Sekiranya pelajar telah memulakan pergerakan, ujian swab akan dibuat di simpadan negeri Kelantan dan ia adalah di bawah tanggungan Kerajaan Negara.  
 Semua pergerakan dalam negeri keluar masuk Bahagian Bintulu, diwajibkan menjalani Ujian Swab RT-PCR dalam tempoh tiga (3) hari sebelum pergerakan.
6. Adakah kos ujian swab ditanggung oleh Kerajaan?  
 Ya. Segala kos menjalani ujian swab RT-PCR adalah di bawah tanggungan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pelajar perlu menjalani ujian swab di klinik kesihatan di bawah skema KKM sahaja.

2

7. Adakah dokumen yang perlu dibawa bersama oleh pelajar yang hadir ke fasiliti kesihatan KKM bagi menjalani ujian swab RT-PCR?  
 Pelajar perlu membawa bersama kad masuk dari Surat Pelepasan/Mabenaran Pulang oleh IPT.
8. Adakah pelajar boleh membuat tuntutan balik pembayaran sekiranya ujian swab dijalankan di klinik/hospital swasta?  
 Ujian swab yang dijalankan di klinik/hospital swasta TIDAK boleh menuntut semula pembayaran dan di bawah tanggungan pelajar sendiri.
9. Adakah kos pergerakan pelajar ditanggung oleh Kementerian atau IPT?  
 Segala kos yang terlibat dengan pergerakan pulang pelajar ke kampung adalah di bawah tanggungan pelajar sendiri.
10. Adakah pelajar dibenarkan pulang dari / ke Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan?  
 Ya, dibenarkan dengan mematuhi kepada SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan Negara.
11. Adakah kaedah pergerakan yang dibenarkan untuk pelajar pulang ke kampung?  
 Pergerakan pelajar pulang ke kampung dari kampus adalah dibenarkan dengan dua (2) kaedah iaitu:  
 a) IPT membantu menggunakan pergerakan pelajar menggunakan bas IPT atau bas sewas ke lokasi atau checkpoint di kawasan / negeri tertentu; dan

3

- b) menggunakan kenderaan sendiri.
12. Adakah pelajar dibenarkan menggunakan kenderaan awam untuk pergerakan pulang ke kampung halaman?  
 Pelajar TIDAK dibenarkan menggunakan kenderaan awam kecuali perkhidmatan perentangan.
13. Adakah ibu bapa / penjaga dibenarkan mengambil pelajar di kampus bagi tujuan pergerakan pulang ke kampung?  
 Ibu bapa / penjaga TIDAK dibenarkan merentas negeri bagi mengambil pelajar di kampus bagi tujuan pergerakan pulang ke kampung.
14. Adakah pelajar masih perlu mendapatkan surat kebenaran rentas daerah / negeri dari pihak PDRM?  
 Pelajar hanya menggunakan surat pelepasan perjalanan rentas daerah / negeri bagi tujuan pergerakan pulang sempena cuti semester yang disediakan oleh pihak IPT. Keseluruhan pergerakan MASUK KE Sarawak dan Sabah yang perlu mendapatkan surat kebenaran rentas daerah / negeri dari pihak PDRM juga sebagai dokumen laluan.
15. Adakah ibu bapa / penjaga masih perlu mendapatkan surat kebenaran rentas daerah daripada pihak PDRM bagi menjemput pelajar di checkpoint yang telah dibenarkan oleh IPT?  
 Tidak. Ibu bapa / penjaga boleh menggunakan surat yang diberikan oleh IPT untuk menjemput pelajar di checkpoint yang telah dibenarkan oleh IPT.

4

# LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMENA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

16. Adakah ibu bapa / penjaga dibenarkan untuk menjemput pelajar di lapangan terbang di Sabah?

Ya, ibu bapa / penjaga boleh menggunakan surat yang diberikan oleh IPT untuk menjemput pelajar di lapangan terbang di Sabah (sekiranya dibenarkan menjalani kuarantin sendiri di kediaman) dan dari pusat kuarantin selepas selesai menjalani kuarantin.

17. Adakah ibu bapa / penjaga dibenarkan untuk menjemput pelajar di lapangan terbang di Wilayah Persekutuan Labuan?

Ya, ibu bapa / penjaga boleh menggunakan surat yang diberikan oleh IPT untuk menjemput pelajar di lapangan terbang di Wilayah Persekutuan Labuan (sekiranya dibenarkan menjalani kuarantin sendiri di kediaman) dan dari pusat kuarantin selepas selesai menjalani kuarantin.

18. Adakah ibu bapa / penjaga dibenarkan untuk menjemput pelajar di pusat kuarantin di Sarawak?

Ya, ibu bapa / penjaga boleh menggunakan surat yang diberikan oleh IPT untuk menjemput pelajar dari pusat kuarantin di Sarawak.

19. Adakah pelajar (penduduk asal) yang pulang ke destinasi mereka perlu menjalani proses kuarantin?

Bagi pelajar yang pulang ke Sabah, mereka perlu menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin yang ditetapkan atau kediaman sendiri (bertukuk kepada pertimbangan/arahkan semasa pihak Kerajaan Negeri) selama 14 hari.

Bagi pelajar yang pulang ke Sarawak, mereka perlu menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin yang ditetapkan selama 14 hari. Walau bagaimanapun, pertimbangan untuk memenuhkan kuarantin di kediaman masing-masing boleh dibenarkan sekiranya keputusan ujian

6

sebab kedua pada hari ke-10 adalah negatif.

Bagi pelajar yang pulang ke Wilayah Persekutuan Labuan, mereka perlu menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin yang ditetapkan atau kediaman sendiri (bertukuk kepada pertimbangan/arahkan semasa pihak berkuasa) selama 10 hari.

20. Adakah pelajar yang pulang ke negeri Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan perlu membayar kos kuarantin?

Kos kuarantin bagi pelajar yang pulang ke Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi menjalani kuarantin wajib di pusat kuarantin adalah ditanggung oleh Kerajaan.

21. Adakah pelajar boleh memilih untuk terus kekal di kampus?

Ya, pelajar boleh memilih untuk terus kekal berada di kampus dengan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan IPT.

22. Adakah pelajar IPT yang tamat menjalani latihan industri dibenarkan untuk pulang?

Ya, Pelajar yang tamat latihan industri dibenarkan pulang dari lokasi mereka (kecuali kawasan PKPD).

23. Adakah ibu bapa / penjaga pelajar yang telah tamat pengajian dibenarkan ke IPT bagi urusan mengambil barang?

Ibu bapa atau penjaga TIDAK dibenarkan merentas negeri untuk urusan mengambil barang pelajar yang telah tamat pengajian sehingga pemakluman rasmi bertubuh kebenaran telah bagi urusan ini yang akan ditamatkan kelak.

8

24. Adakah IPT yang berada di dalam kawasan PKPD dibenarkan untuk melaksanakan peperiksaan antarabangsa atau badan profesional?

Ya, IPT yang berada di dalam kawasan PKPD dibenarkan untuk melaksanakan peperiksaan antarabangsa atau badan profesional.

25. Adakah pelajar di luar kawasan PKPD dibenarkan untuk merentas daerah / negeri untuk menduduki peperiksaan antarabangsa atau badan profesional di IPT yang berada di dalam kawasan PKPD?

Ya, Pelajar perlu mendapatkan surat kebenaran merentas daerah / negeri dari pihak PDRM dengan membawa bersama slip peperiksaan / surat panggilan peperiksaan tersebut.

26. Adakah staf IPT dibenarkan untuk rentas daerah / negeri untuk bertugas bagi pelaksanaan peperiksaan antarabangsa atau badan profesional di kawasan PKPD?

Ya, Staf perlu mendapatkan Surat Kebenaran Bertugas Institut Pendidikan Tinggi dari IPT masing-masing.

Sebarang maklumat atau pertanyaan lanjut, sila hubungi:

- a. Pegawai Penyelaras di IPT masing-masing, atau
- b. Bilik Gerakan KPT di talian 03-8670 6777 / 6049 / 6623 / 6628.

7

Dokumen ini akan dibenarkan bertukar-tukar antara semua pihak terangkan dan semasa ke hadapan.  
Revisi 18 Jun 2021

## LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPERA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

### 3.0 LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR ASASI SAINS PERTANIAN DAN DIPLOMA SESE 2020/2021

#### 3.1 PERGERAKAN PULANG PELAJAR UPM FASA 1

Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah membuat pengumuman penamatan PKPD 34 Mukim di Selangor pada 16 Julai 2021 (1159 pm) melalui sidang media yang dibuat pada 15 Julai 2021.

Sehubungan itu, pergerakan pelajar pulang semperna cuti semester 2020/2021 atau tamat pengajian telah boleh dilaksanakan.

Pergerakan Fasa 1 untuk pelajar Pusat Asasi Sains Pertanian dan Diploma UPM bermula 18 Julai 2021 secara berfasa mengikut lokaliti pelajar.



The infographic poster is titled "PERGERAKAN PULANG PELAJAR UPM FASA 1 (PELAJAR ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA UPMKB)". It features the logos of the Malaysian Ministry of Education (KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI) and UPM (Universiti Putra Malaysia). The poster is divided into five zones, each with a specific date for the return movement:

- ZON UTARA:** PERAK, PULAU PINANG, KEDAH & PERLIS. 19 JULAI 2021.
- ZON TIMUR:** PAHANG, KELANTAN & TERENGGANU. 19 JULAI 2021.
- ZON TENGAH:** SELANGOR. 18-19 JULAI 2021. WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA. 19 JULAI 2021.
- ZON SELATAN:** NEGERI SEMBILAN, MELAJA & JOHOR. 19 JULAI 2021.
- ZON BORNEO:** SABAH, SARAWAK & WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN. TERTAKLUK KEPADA TARIKH PENERBANGAN PELAJAR & SETELAH URUSAN SOP SELESAI.

At the bottom of the poster, there are social media links for Facebook, Twitter, Instagram, and YouTube, along with the UPM motto "PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN" and the slogan "BERILAU BERBAKTI". The website "www.upm.edu.my" and the hashtag "#UNSOE" are also included.



## LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

### 3.2 BILANGAN PELAJAR ASASI SAINS PERTANIAN DAN DIPLOMA YANG PULANG DAN MASIH DI KAMPUS.

Sejumlah **295** pelajar Asasi Sains Pertanian (ASPER) terpaksa kekal di kampus meski pun telah tamat pengajian pada 20 Jun yang lalu berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan sejak 1 Jun 2021.

Justeru, 18 dan 19 Julai 2021 menjadi tarikh keramat bagi **276** pelajar ASPER kerana berpeluang balik ke rumah dan sekaligus dapat meraikan Hari Raya Aidiladha bersama keluarga.

Manakala **19** pelajar ASPER masih berada di kampus iaitu **13** pelajar di Kolej Pendeta Za'ba dan enam (**6**) pelajar di Kolej 13 untuk data setakat 23 Julai 2021 atas beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan. Pelajar balik semasa pergerakan Fasa 2.

Bagi pelajar Diploma pula seramai empat (**4**) pelajar pulang pada Fasa 1 menggunakan penerbangan manakala **303** pelajar memilih membuat pergerakan pada Fasa 2 atau kekal tinggal di kampus.



### **3.3 PENGURUSAN PERGERAKAN**

Terdapat tiga (3) kolej kediaman iaitu Kolej Pendeta Za'ba, Kolej Tiga Belas dan Kolej Sri Rajang menjadi check point pergerakan dan terlibat secara langsung dalam saringan kesihatan, semakan maklumat dan penyerahan kunci bilik pelajar ASPER dan Diploma sebelum pelajar bergerak pulang.

UPM menyelaras 7 buah bas dan 2 minivan untuk tujuan pergerakan pelajar Asasi Sains Pertanian pulang ke lokaliti masing-masing.

Setiap pergerakan kenderaan dipantau oleh seorang pegawai pengiring bagi memastikan pematuhan SOP selain membantu melicinkan pengurusan di mana-mana hentian, terminal atau sekatan jalan raya.

Pegawai pengiring yang dilantik ialah En. Mohd Zali Hamid, En. Zamzuri Zabidin, Dr. Elisa Azura Azman, En. Ahmad Ikram Shah Baharin, Pn. Siti Nur'Ain Feisal, En. Muhamad Fudhayl Omar dan En. Awang Famezan Awang Mohd Noh.



*YBhg.Prof. Dr Arifin Abdu, Timbalan Naib Canselor (HEPA) (kiri) menyantuni pelajar dan petugas semasa pergerakan pelajar pulang di Kolej 17.*

**3.4 BINGKISAN PERGERAKAN PELAJAR PULANG FASA 1.**



*Sesi taklimat pergerakan sebelum pelajar bertolak.*



*Pelajar menunggu giliran untuk semakan maklumat sebelum pergerakan.*



**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACHELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**



*Semakan maklumat pelajar.*



*Pelajar mengambil biskut dan air yang disediakan oleh Kolej Kediaman sebagai bekalan dalam perjalanan pulang.*



**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**



*Pelajar bergerak ke bas mengikut zon lokaliti masing-masing.*



*MPP dan MPK membantu pelajar menyimpan barang ke bas.*

**LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER  
FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN  
FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH)  
SESI 2020/2021**



*Pelajar membuat imbasan QR Code MySejahtera sebelum menaiki bas.*



*Kedudukan pelajar dalam bas mematuhi ketetapan muatan 75%.*



## LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR SEMPENA CUTI SEMESTER FASA 1 (ASASI SAINS PERTANIAN & DIPLOMA) DAN FASA 2 (BACELOR & SISWAZAH) SESI 2020/2021

### 4.0 LAPORAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR BACELOR DAN SISWAZAH SESE 2020/2021

#### 4.1 PERGERAKAN PULANG PELAJAR UPM FASA 2

